

KERATAN AKHBAR

Guru sedia sendiri bahan mengajar

Penangguhan penyediaan buku Tabika KEMAS jejas pembelajaran

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Pendidikan lebih 200,000 kanak-kanak Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) kendalian Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di seluruh negara, dikatakan terjejas berikutan penangguhan penyediaan buku aktiviti oleh jabatan itu.

Sumber berkata, penangguhan penyediaan enam buku aktiviti itu dimaklumkan KEMAS, menerusi surat pekeliling diedarkan pada April lalu.

Sejak itu, katanya, semua Pemaju Masyarakat atau guru Tabika terpaksa menyediakan bahan pengajaran sendiri.

"Setiap tahun biasanya KEMAS akan menyediakan buku aktiviti kanak-kanak pada April, iaitu selepas sesi suai kenal atau program tiga bulan pertama tanpa buku berakhir."

"Bagaimanapun, tahun ini pihak pentadbir memberitahu semua buku hanya akan diterima pada akhir Mei. Namun, sehingga kini, tiada makluman," katanya kepada BH.

Difahamkan, kelewatkan pemberian buku aktiviti kanak-kanak ini kali pertama berlaku, dalam tempoh hampir dua dekad operasi KEMAS.

Enam buku terbabit adalah bu-



Kanak-kanak memerlukan bahan bacaan supaya sesi pembelajaran berjalan sempurna.

(Foto hiasan)

ku aktiviti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Moral, Jawi, Iqra dan Matematik.

Semua buku yang disediakan KEMAS itu adalah menerusi peruntukan Geran Perkapita (GPK) RM100 setahun, bagi setiap kanak-kanak, merangkumi penyediaan alat pembelajaran, kemudahan utiliti dan program lawatan sambil belajar.

GPK adalah skim bantuan pendidikan kepada kanak-kanak Tabika dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) KEMAS, yang dilaksanakan mulai 2007 menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Sementara itu, tinjauan di beberapa Tabika KEMAS di sekitar Pulau Pinang mendapat aktiviti pembelajaran diteruskan seperti biasa.

Malah, ada guru terpaksa menyediakan bahan pembelajaran daripada kertas salinan fotokopi, yang diambil daripada buku aktiviti tahun lalu.

"Ibu bapa mungkin tidak tahu perkara sebenar, tetapi kami cuba mendidik kanak-kanak ini supaya tidak tercincir," katanya.

Semakan BH mendapati 11,082 Tabika KEMAS masih beroperasi di seluruh negara, membabitkan 209,943 kanak-kanak berdaftar.

Sementara itu, Bahagian Perolehan dan Kewangan KEMAS di Putrajaya, ketika dihubungi mengesahkan kelewatan pemberian buku aktiviti kanak-kanak di semua Tabika jabatan itu.

Katanya, ketika ini pihaknya masih dalam proses pemilihan syarikat pembekal buku baharu bersama Kementerian Pendidikan.

KETERANGAN AKHBAR